



# BELIA BERISIKO

*Mohammad Rezal Hamzah, Jamiah Manap dan Huzili Hussin*

Belia tonggak kecemerlangan negara. Bagaimanapun, kecemerlangan ini hanya dapat direalisasikan apabila belia berada dalam keadaan yang kuat dan mantap. Kecemerlangan dalam konteks pembangunan belia adalah belia yang sejahtera, seimbang, positif, stabil dan bijaksana. Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

“Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala daripada orang mukmin yang lemah. Pada masing-masing memang terdapat kebaikan. Capailah dengan sungguh-sungguh apa yang berguna bagimu, mohonlah pertolongan kepada Allah Azza wa Jalla dan janganlah kamu menjadi orang yang lemah”.

Sahih Muslim, Bab Qadar, No 34.

Hadis ini mengingatkan belia agar berusaha menjadi manusia yang kuat dan tidak bergantung kepada orang lain. Selain keimanan yang tinggi, kekuatan belia bukan hanya terletak pada kekuatan fizikal semata-mata, sebaliknya pada kekuatan psikologi iaitu sosioemosi, kognitif dan spiritual. Contohnya, keupayaan mengendalikan emosi marah turut menjadi kriteria dalam mengukur tahap kekuatan belia. Kemarahan yang tidak dikawal dengan baik mengakibatkan konflik tidak dapat diselesaikan dengan baik, manusia saling bermusuhan dan akhirnya saling berbunuhan.

Dari Abu Hurairah radliallahu ‘anhu bahwa Rasulullah SAW bersabda: “Bukanlah orang yang kuat itu yang pandai bergusti, tapi orang yang kuat adalah orang yang dapat menahan nafsunya ketika ia marah.”

HR Bukhari No: 5649.

Belia yang kuat bukan sahaja mampu berdikari, bahkan memberi suri teladan (*role model*) yang baik serta memberi sumbangan yang besar kepada orang lain dengan cara yang terbaik. Hal ini sejajar dengan tuntutan agar belia sentiasa bertakwa (mempunyai kesedaran ketuhanan yang tinggi), berakhlak mulia dan memberi manfaat kepada orang lain.

## **SIAPAKAH BELIA ?**

Belia merupakan kumpulan yang mudah difahami sebagai satu tempoh peralihan dari pergantungan zaman kanak-kanak ke alam dewasa. Belia juga sering dilihat sebagai kumpulan yang lebih cair daripada kumpulan umur yang lain. Namun, usia adalah cara paling mudah untuk menentukan kumpulan ini, terutamanya berhubung dengan pendidikan dan pekerjaan, kerana belia sering dirujuk sebagai individu yang meninggalkan pendidikan wajib dan mencari pekerjaan pertama mereka.

Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan belia sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 24 tahun. Walau bagaimanapun, definisi ini adalah fleksibel. Menurut Laporan Belia Sedunia (2018), terdapat 1.2 bilion golongan belia berusia 15 hingga 24 tahun dan menyumbang sebanyak 16% daripada populasi global. Pengalaman menjadi golongan muda adalah berbeza di seluruh dunia, di antara negara dan rantau. Oleh itu, elemen konteks sentiasa menjadi panduan penting dalam memberi definisi terhadap belia di UNESCO. Beberapa entiti, instrumen dan organisasi serantau di PBB mempunyai definisi belia yang agak berbeza, yang diiktiraf oleh sekretariat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Definisi belia mungkin berubah mengikut keadaan, terutama dengan perubahan dalam demografi, kewangan, ekonomi dan sosiobudaya. Walau bagaimanapun, takrifan yang menggunakan kohort usia 15-24 sebagai belia adalah dianggap bersesuaian dengan keperluan golongan muda dalam konteks pembangunan belia yang seimbang dan positif. Jadual 1.1 berikut meringkaskan perbezaan ini: